BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen: 08/03/39 (BN) **EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1800 pada hari Rabu, 27 Ogos, 2003**

Maklumat Utama Bagi Siaran Akhbar Julai 2003

Pembiayaan bagi aktiviti sektor swasta terus berkembang pada bulan Julai

Pada bulan Julai, kesemua penunjuk-penunjuk pinjaman dan monetari bertambah kukuh secara ketara, mencerminkan peningkatan di dalam sentimen pengguna dan perniagaan. Permohonan dan kelulusan pinjaman mencatatkan tahap tertinggi semenjak bulan Mei 2002, meningkat masing-masing kepada RM22.7 bilion dan RM14.4 bilion pada bulan Julai. Permintaan yang lebih tinggi untuk dana baru pada bulan tersebut adalah sejajar dengan penunjuk-penunjuk pengukuhan aktiviti ekonomi yang lain. Kenaikan dalam permohonan dan kelulusan pinjaman adalah terutamanya di sektor perniagaan (masing-masing meningkat sebanyak 33.8% dan 7.2% pada bulan Julai, berbanding dengan bulan sebelum ini).

Pengeluaran pinjaman mencatatkan tahap tertingginya pada bulan Julai, meningkat sebanyak 7.8% kepada RM40.6 bilion berbanding dengan bulan yang sebelumnya. Kenaikan dalam pengeluaran pinjaman lebih jelas dalam sektor perkilangan (23.9% daripada jumlah pengeluaran pada bulan Julai); pembinaan (6.9%), perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan (8.2%) dan juga untuk pembelian sekuriti (4.8%).

Jumlah pinjaman terkumpul meningkat lagi sebanyak RM3.2 bilion pada bulan Julai (+RM6.8 bilion pada bulan Jun) terutamanya disebabkan pinjaman yang lebih tinggi kepada sektor isi rumah (+RM2.5 bilion) dan institusi kewangan (+RM0.6 bilion). Pada asas tahunan, baki pinjaman meningkat sebanyak 4.5% pada akhir bulan Julai (3.9% pada akhir bulan Jun).

Pada asas tahunan, pinjaman terkumpul yang disalurkan kepada PKS meningkat pada kadar tahunan yang lebih tinggi, iaitu sebanyak 5.4% pada akhir bulan Julai (4.9% pada akhir bulan Jun) dan mencakup sebanyak 15.5% daripada jumlah pinjaman terkumpul dan 31.2% daripada pinjaman terkumpul perusahaan perniagaan (masing-masing sebanyak 15.2% dan 29.6% pada akhir tahun 2002).

Secara agregat, pertumbuhan berian pinjaman bank yang kukuh dan terbitan dalam pasaran bon menyebabkan jumlah pembiayaan meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 16% pada bulan Julai (RM43.7 bilion).

Permohonan, Kelulusan, Pengeluaran dan Pembayaran Balik Pinjaman (RM bilion)



Peningkatan yang ketara dalam pengeluaran dan permohonan pinjaman

Ketiga-tiga agregat monetari bertambah kukuh. Pada asas tahunan, pertumbuhan dalam M1 kekal di paras lebih 10%, mencerminkan aktiviti perniagaan yang lebih kukuh serta urus niaga yang lebih tinggi di pasaran ekuiti. Pada asas tahunan, M3 mencatat kadar pertumbuhan sebanyak 8.7% disebabkan oleh peningkatan dalam aktiviti pembiayaan bank iaitu pembiayaan secara langsung melalui pinjaman bank dan secara tidak langsung melalui pemegangan sekuriti hutang swasta oleh institusi perbankan.

Bank Negara Malaysia
27 Ogos 2003

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen: 08/03/39 (BN) **EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1800 pada hari Rabu, 27 Ogos, 2003**

SIARAN AKHBAR
PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN
JULAI 2003

Pembiayaan bagi aktiviti sektor swasta terus berkembang pada bulan Julai

Pada bulan Julai, kesemua penunjuk-penunjuk pinjaman dan monetari bertambah kukuh secara ketara, mencerminkan peningkatan di dalam sentimen pengguna dan perniagaan. Permohonan dan kelulusan pinjaman mencatatkan tahap tertinggi semenjak bulan Mei 2002, meningkat masing-masing kepada RM22.7 bilion dan RM14.4 bilion pada bulan Julai. Permintaan yang lebih tinggi untuk dana baru pada bulan tersebut adalah sejajar dengan penunjuk-penunjuk pengukuhan aktiviti ekonomi yang lain. Kenaikan dalam permohonan dan kelulusan pinjaman adalah terutamanya di sektor perniagaan (masing-masing meningkat sebanyak 33.8% dan 7.2% pada bulan Julai, berbanding dengan bulan sebelum ini).

Pengeluaran pinjaman mencatatkan tahap tertingginya pada bulan Julai, meningkat sebanyak 7.8% kepada RM40.6 bilion berbanding dengan bulan yang sebelumnya. Kenaikan dalam pengeluaran pinjaman lebih jelas dalam sektor perkilangan (23.9% daripada jumlah pengeluaran pada bulan Julai); pembinaan (6.9%), perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan (8.2%) dan juga untuk pembelian sekuriti (4.8%).

Jumlah pinjaman terkumpul meningkat lagi sebanyak RM3.2 bilion pada bulan Julai (+RM6.8 bilion pada bulan Jun) terutamanya disebabkan pinjaman yang lebih

tinggi kepada sektor isi rumah (+RM2.5 bilion) dan institusi kewangan (+RM0.6 bilion). Pada asas tahunan, baki pinjaman meningkat sebanyak 4.5% pada akhir bulan Julai (3.9% pada akhir bulan Jun).

Pada asas tahunan, pinjaman terkumpul yang disalurkan kepada PKS meningkat pada kadar tahunan yang lebih tinggi, iaitu sebanyak 5.4% pada akhir bulan Julai (4.9% pada akhir bulan Jun) dan mencakup sebanyak 15.5% daripada jumlah pinjaman terkumpul dan 31.2% daripada pinjaman terkumpul perusahaan perniagaan (masing-masing sebanyak 15.2% dan 29.6% pada akhir tahun 2002).

Secara agregat, pertumbuhan berian pinjaman bank yang kukuh dan terbitan dalam pasaran bon menyebabkan jumlah pembiayaan meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 16% pada bulan Julai (RM43.7 bilion).

Ketiga-tiga agregat monetari bertambah kukuh. Pada asas tahunan, pertumbuhan dalam M1 kekal di paras lebih 10%, mencerminkan aktiviti perniagaan yang lebih kukuh serta urus niaga yang lebih tinggi di pasaran ekuiti. Pada asas tahunan, M3 mencatat kadar pertumbuhan sebanyak 8.7% disebabkan oleh peningkatan dalam aktiviti pembiayaan bank iaitu pembiayaan secara langsung melalui pinjaman bank dan secara tidak langsung melalui pemegangan sekuriti hutang swasta oleh institusi perbankan.

Kadar faedah kekal rendah dan stabil

Di dalam pasaran wang antara bank, kadar faedah di pasaran wang secara relatifnya kekal stabil dengan operasi pasaran wang BNM disasarkan untuk menstabilkan kesan daripada aktiviti sektor swasta dan sektor luar negara ke atas pasaran wang.



Kadar faedah antara bank di pasaran wang kekal rendah dan stabil



BNM menyerap lebihan mudah tunai daripada pasaran bagi menstabilkan mudah tunai dan mengekalkan kadar faedah pada paras semasa



Mudah tunai dalam sistem perbankan adalah lebih daripada mencukupi untuk membiayai aktiviti pembiayaan. Nisbah pinjaman-deposit, termasuk sekuriti hutang swasta yang dimiliki oleh sistem perbankan kekal tinggi pada 94.2%

Kadar purata berian pinjaman asas (BLR) bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan masing-masing kekal tidak berubah pada bulan ini di paras 6% dan 6.90%. Sementara itu, kadar purata pinjaman (ALR) bagi bank perdagangan kekal tidak berubah di paras 6.22% manakala kadar bagi syarikat kewangan terus menurun ke paras 9.22% (akhir-Jun: 9.28%).



BLR bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal tidak berubah sementara ALR bagi syarikat kewangan terus menurun.

Pada 15 Ogos**,** kadar deposit tetap bagi tempoh matang 1-12 bulan bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal tidak berubah.



Kadar deposit tetap bank perdagangan kekal tidak berubah.



…sementara kadar deposit tetap bagi syarikat kewangan secara relatifnya kekal stabil.



Kadar faedah benar bagi deposit tetap 3-bulan menyusut sebanyak 20 mata asas disebabkan oleh kadar inflasi yang tinggi sedikit pada bulan Julai.

Prestasi Ringgit

Pada bulan Julai, nilai ringgit meningkat berbanding mata wang utama. Selaras dengan pergerakan dolar AS di pasaran pertukaran mata wang asing antarabangsa, nilai ringgit meningkat berbanding paun sterling sebanyak 2.3%, euro sebanyak 0.9% dan yen Jepun sebanyak 0.2%. Dolar AS disokong oleh penerbitan data ekonomi yang positif, termasuk pertumbuhan KDNK suku kedua tahun 2003 yang melebihi jangkaan.



Ringgit meningkat nilai berbanding mata wang utama pada bulan Julai.

Ringgit meningkat nilai berbanding kebanyakan mata wang serantau dalam lingkungan 0.1% – 2.7%, sementara menyusut nilai berbanding won Korea sebanyak 1.3%. Rupiah Indonesia dipengaruhi secara negatif oleh berita kejadian letupan bom di Jakarta. Peso Filipina menyusut nilai disebabkan oleh permintaan dolar dari pengimport dan kebimbangan keselamatan. Dolar Singapura menyusut nilai berikutan penerbitan data yang menunjukkan penguncupan KDNK suku tahun kedua yang melebihi jangkaan. Sebaliknya, won Korea meningkat nilai disebabkan kemasukan dana yang berkaitan dengan pasaran ekuiti dan prestasi eksport yang kukuh.

.



Ringgit meningkat nilai berbanding kebanyakan mata wang serantau.

Sepanjang tempoh **1 – 26 Ogos 2003**, ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang utama. Nilai ringgit meningkat berbanding paun Sterling sebanyak 3% dan euro sebanyak 4.6%, tetapi menyusut nilai berbanding yen Jepun sebanyak 2.1%. Dolar AS mendapat manfaat daripada kepercayaan pasaran terhadap prospek untuk pemulihan ekonomi AS yang bertambah baik berikutan penerbitan sebilangan data ekonomi yang positif. Sebaliknya, euro dibelenggu oleh penerbitan data yang menunjukkan penguncupan dalam KDNK suku kedua tahun 2003 sebilangan negara zon euro yang utama. Yen Jepun disokong oleh kepercayaan pasaran terhadap prospek untuk ekonomi Jepun berikutan pertumbuhan ekonomi yang melebihi jangkaan pada suku tahun kedua, dan jangkaan jumlah pembawaan pulang dana yang ketara disebabkan kematangan dan pembayaran kupon bagi bon Perbendharaan AS yang dipegang oleh pelabur Jepun. Nilai ringgit menyusut berbanding sebilangan mata wang serantau dalam lingkungan 0.2% - 1.4%, tetapi meningkat nilai berbanding peso Filipina sebanyak 1.5%.

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	2 September 1998	Akhir-Julai 2003	26 Ogos 2003	% Perubahan			
				Julai 2003	Akhir Julai - 26 Ogos 2003	Akhir-2002 - 26 Ogos 2003	2 Sep. 1998 - 26 Ogos 2003
Dolar AS	3.8000	3.8000	3.8000	0.0	0.0	0.0	0.0
Euro	-	4.3083	4.1183	0.9	4.6	-3.3	-
Paun sterling	6.3708	6.1414	5.9616	2.3	3.0	2.2	6.9
100 yen Jepun	2.7742	3.1634	3.2303	0.2	-2.1	-0.9	-14.1
Dolar Singapura	2.1998	2.1594	2.1730	0.2	-0.6	0.7	1.2
100 baht Thai	9.3713	9.0487	9.1754	0.1	-1.4	-4.0	2.1
100 peso Filipina	8.8302	6.9387	6.8391	2.3	1.5	4.5	29.1
100 rupiah Indonesia	0.0354	0.0447	0.0448	2.7	-0.2	-5.1	-21.0
100 won Korea	0.2827	0.3219	0.3245	-1.3	-0.8	-1.5	-12.9

Inflasi tinggi sedikit pada bulan Julai

Kadar inflasi tahunan, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Penguna (IHP, 2000=100), meningkat kepada 1% pada bulan Julai (Jun: 0.8%), disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga makanan di rumah.

Indeks Harga Pengguna



Inflasi meningkat sedikit pada bulan Julai

Sementara itu, Indeks Harga Pengeluar (IHPR), terus meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 2.8% pada bulan Jun (Mei: 2.9%), selaras dengan peningkatan yang lebih perlahan dalam harga kebanyakan komoditi. Tidak termasuk barangan yang berkaitan dengan komoditi, IHPR terlaras meningkat sebanyak 0.5%.



Harga pengeluar, tidak termasuk barangan yang berkaitan dengan komoditi, meningkat sebanyak 0.5%

Pertumbuhan bekalan wang bertambah kukuh

Pada asas tahunan, pertumbuhan bagi ketiga-tiga agregat monetari bertambah kukuh pada akhir bulan Julai, dengan M1, M2 dan M3 masing-masing mencatat kadar pertumbuhan sebanyak 10.6%, 8.6% dan 8.7% (10%, 8.6% dan 8.2% pada akhir bulan Jun).

Bekalan wang secara luas, M3 meningkat sebanyak RM4.2 bilion pada bulan Julai, bersamaan dengan pertumbuhan bulanan sebanyak 0.8%. Punca utama pertumbahan M3 disebabkan oleh peningkatan dalam aktiviti pembiayaan bank iaitu pembiayaan secara langsung melalui pinjaman bank dan secara tidak langsung melalui pemegangan sekuriti hutang swasta oleh institusi perbankan. Operasi luar juga memberi kesan pengembangan pada bulan ini dengan peningkatan dalam rizab antarabangsa BNM (RM4.2 bilion). Kesan pengembangan ini telah diimbangi sebahagiannya oleh penguncupan operasi Kerajaan, berikutan penurunan dalam pemegangan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) oleh institusi perbankan. Deposit oleh institusi kewangan bukan bank dengan BNM juga meningkat pada bulan ini.

Agregat monetari merekodkan peningkatan yang lebih tinggi pada akhir bulan Julai



Pertumbuhan ketiga-tiga agregat monetari bertambah kukuh

Penentu-Penentu M3

(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	2003			
	Mei	Jun	Jul	Jan - Jul
M3	6.1	0.2	4.2	25.5
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	2.5	-1.7	-1.1	8.5
Tuntutan ke atas sektor swasta	0.9	7.5	5.5	21.5
Operasi luar bersih [1]	1.6	-2.2	3.8	2.0
Pengaruh lain	1.1	-3.3	-4.0	-6.5

1/ sebelum penilaian semula

Pengembangan bekalan wang secara luas berpunca daripada peningkatan dalam aktiviti pembiayaan bank dan pengembangan dalam operasi luar

Deposit sistem perbankan meningkat pada bulan Julai

Jumlah **deposit** yang dikumpulkan oleh sistem perbankan meningkat sebanyak RM2.8 bilion atau 0.5% pada bulan Julai. Peningkatan ini mencerminkan deposit yang lebih tinggi oleh institusi kewangan dan sektor isi rumah. Pada asas tahunan, jumlah deposit yang dikumpul oleh sistem perbankan meningkat sebanyak 8.3% pada akhir Julai (7.6% pada akhir Jun).

Perubahan Bulanan dalam Deposit **(RM juta)**

	2003		
	Mei	**Jun**	**Julai**
Penyimpan			
Kerajaan Persekutuan	-691	140	977
Kerajaan Negeri	295	78	-299
Badan Berkanun[1/]	-307	622	-405
Institusi Kewangan	1,662	-533	2,441
Perusahaan Perniagaan	3,761	779	-234
Individu	653	1,804	297
Yang mana: Sektor isi rumah	1,203	1,429	1,471
Jumlah	**5,372**	**2,889**	**2,778**

[1/] Termasuk Kerajaan Tempatan.

Deposit yang lebih tinggi oleh institusi kewangan dan sektor isi rumah...

Perubahan Bulanan dalam Deposit **(RM juta)**

	2003		
	Mei	**Jun**	**Julai**
Jenis			
Deposit tetap	747	2,839	956
NID	-209	-409	-17
Deposit permintaan	557	2,033	354
Deposit tabungan	-264	674	685
Perjanjian beli balik *(Repo)*	3,179	-3,899	-211
Deposit mata wang asing	237	-317	634
Deposit SPI	1,055	1,641	320
Lain-lain	70	329	58
Jumlah	**5,372**	**2,889**	**2,778**

...terutamanya dalam deposit tetap

Aktiviti berian pinjaman bank terus berkembang

Pengeluaran pinjaman mencatatkan tahap tertingginya pada bulan Julai, meningkat sebanyak 7.8% kepada RM40.6 bilion berbanding dengan bulan yang sebelumnya. Kenaikan dalam pengeluaran pinjaman lebih jelas dalam sektor perkilangan (23.9% daripada jumlah pengeluaran pada bulan Julai); pembinaan (6.9%), perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan (8.2%) dan juga untuk pembelian sekuriti (4.8%).

Jumlah pinjaman terkumpul meningkat lagi sebanyak RM3.2 bilion pada bulan Julai (+RM6.8 bilion pada bulan Jun) terutamanya disebabkan pinjaman yang lebih tinggi kepada sektor isi rumah (+RM2.5 bilion) dan institusi kewangan (+RM0.6 bilion). Walaupun pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan adalah lebih tinggi, pinjaman terkumpul sektor perniagaan mencatatkan kenaikan yang lebih kecil (RM38 juta) disebabkan oleh pembayaran balik pinjaman yang lebih besar. Pada

asas tahunan, baki pinjaman meningkat sebanyak 4.5% pada akhir bulan Julai (3.9% pada akhir bulan Jun). Termasuk pelaburan dalam sekuriti hutang swasta oleh institusi perbankan, pembiayaan oleh sektor perbankan meningkat pada kadar tahunan sebanyak 6.2%. Oleh itu, nisbah pinjaman-deposit, termasuk pegangan sekuriti hutang swasta oleh sistem perbankan berada pada paras 94.2% pada akhir bulan Julai (93.8% pada akhir bulan Jun).

Permohonan dan kelulusan pinjaman mencatatkan tahap tertinggi semenjak bulan Mei 2002, meningkat masing-masing kepada RM22.7 bilion dan RM14.4 bilion pada bulan Julai. Permintaan yang lebih tinggi untuk dana baru pada bulan tersebut adalah sejajar dengan penunjuk-penunjuk pengukuhan aktiviti ekonomi yang lain. Kenaikan dalam permohonan dan kelulusan pinjaman adalah terutamanya di sektor perniagaan (masing-masing meningkat sebanyak 33.8% dan 7.2% pada bulan Julai, berbanding dengan bulan sebelum ini).

Permohonan, Kelulusan, Pengeluaran dan Pembayaran Balik Pinjaman (RM bilion)



Peningkatan yang ketara dalam pengeluaran dan permohonan pinjaman

Permohonan, Kelulusan, Pengeluaran dan Pembayaran Balik Pinjaman yang telah Dinyahmusim (RM bilion)



Data yang telah dinyahmusim mencadangkan permintaan asas untuk pinjaman kekal kukuh

Pengeluaran Pinjaman kepada Sektor Terpilih



Pengeluaran pinjaman adalah meluas

Peningkatan berterusan yang lebih kukuh dapat dilihat pada aktiviti berian pinjaman bank kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Pinjaman terkumpul PKS meningkat sebanyak RM377 juta, membawa peningkatan terkumpul kepada RM3.8 bilion pada tujuh bulan pertama (penurunan sebanyak RM216 juta pada tempoh yang sama tahun 2002). Pada tempoh yang sama, sejumlah RM14 bilion telah diluluskan kepada 45,146 PKS, sementara RM47.4 bilion pula telah dikeluarkan. Pada asas tahunan, pinjaman terkumpul yang disalurkan kepada PKS meningkat pada kadar tahunan yang lebih tinggi, iaitu sebanyak 5.4% pada akhir bulan Julai (4.9% pada akhir bulan Jun) dan mencakup sebanyak 15.5% daripada jumlah pinjaman terkumpul dan 31.2% daripada pinjaman terkumpul perusahaan perniagaan (masing-masing sebanyak 15.2% dan 29.6% pada akhir tahun 2002).

Pinjaman Terkumpul Perusahaan Kecil dan Sederhana



Pinjaman PKS terus meningkat

Secara agregat, pertumbuhan berian pinjaman bank yang kukuh dan terbitan dalam pasaran bon menyebabkan jumlah pembiayaan meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 16% pada bulan Julai (RM43.7 bilion).

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Peningkatan dalam pengeluaran pinjaman dan terbitan PDS yang kerap menyebabkan pembiayaan sektor swasta yang lebih tinggi.Nisbah pinjaman-deposit, termasuk pegangan sekuriti hutang swasta oleh sistem perbankan berada di paras 94.2% pada akhir Julai.

Dana kasar yang diperolehi dari pasaran modal kekal tinggi

Jumlah dana kasar diperolehi dari pasaran modal kekal tinggi pada RM9.5 billion. Dana yang diperolehi dari pasaran ekuiti oleh sektor swasta berjumlah RM512 juta dalam bulan Julai, jumlah tertinggi yang direkodkan semenjak November 2002. Terdapat 11 penyenaraian baru dalam **Bursa Saham Kuala Lumpur** (BSKL) melibatkan syarikat-syarikat dalam sektor-sektor industri, komersil, pembinaan dan teknologi. Pada asas bersih, dana yang diperolehi dari pasaran modal dalam bulan Julai adalah lebih rendah, terutamanya disebabkan oleh penebusan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM).

Dana Bersih yang Diperoleh dari Pasaran Modal [1/]



[1/] Dana bersih yang diperoleh dari pasaran modal oleh sektor swasta (termasuk bon Cagamas dan Danaharta)

Dana yang diperolehi dari pasaran ekuiti adalah yang tertinggi semenjak November 2002.

Pada bulan Julai, urus niaga di **BSKL** meningkat hasil sentimen pasaran yang lebih baik didorong oleh jangkaan prestasi ekonomi yang lebih baik pada separa tahun yang kedua dan juga terdapat penyertaan runcit yang lebih kukuh dalam pasaran. Pada 31 Julai, IK BSKL ditutup pada 720.56 mata (+4.1% sejak akhir bulan Jun) dengan modal pasaran meningkat kepada RM562.74 (+5.7% sejak akhir bulan Jun). Purata urus niaga harian juga meningkat dengan lebih ketara kepada 711.26 juta (485.27 juta unit pada bulan Jun).



Prestasi IK BSKL terus memberangsangkan

Prestasi IK BSKL terus meningkat sepanjang minggu yang awal dalam bulan Ogos. Perkembangan korporat yang positif terus meningkatkan sentimen pasaran. Pada 26 Ogos, IK BSKL ditutup pada 741.02 mata (+2.8% sejak akhir bulan Julai) dengan modal pasaran sebanyak RM579.48 bilion (+3.0% sejak akhir bulan Julai). Walau bagaimanapun purata urus niaga harian dalam tempoh tersebut menurun kepada 592.56 juta unit.

Rizab antarabangsa

Trend peningkatan rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia terus berkekalan pada bulan Julai dan awal Ogos (RM145.1 bilion atau AS$38.2 bilion pada 31 Julai 2003). Pada 15 Ogos 2003, rizab antarabangsa terus meningkat kepada RM146.6 bilion atau AS$38.6 bilion. Peningkatan ini adalah disebabkan pembawaan pulang perolehan eksport yang lebih tinggi dan aliran masuk pelaburan langsung asing yang terus berkekalan. Aliran keluar mencerminkan terutamanya pembayaran import barangan dan perkhidmatan, pembayaran balik hutang luar negara serta aliran keluar pelaburan portfolio. Paras rizab adalah memadai untuk membiayai 6.0 bulan import tertangguh dan adalah 4.3 kali hutang luar negara jangka pendek.



Kedudukan modal mengukuh

Nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras mengukuh masing-masing kepada tahap 13.2% dan 10.7% berikutan kemasukan keuntungan setengah tahun yang telah diaudit oleh dua institusi perbankan ke dalam modal asas. Nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi enam bulan menurun kepada 6.7%. Berdasarkan klasifikasi 3 bulan, jumlah NPL bersih menurun sebanyak RM0.7 bilion, mencakupi 9.3% daripada jumlah pinjaman bersih berbanding 9.5% pada akhir bulan Jun 2003.

Kedudukan Kewangan Sistem Perbankan*

	1998	1999	2000	2001	2002	2003		
	Dis.	Dis.	Dis.	Dis.	Dis.	Mei	Jun	Jul.
Modal (%)								
Nisbah modal teras	8.7	10.1	10.7	11.1	11.1	10.7	10.6	10.7
RWCR	11.8	12.5	12.5	13.0	13.2	13.2	13.1	13.2
NPL bersih (klasifikasi 6 bulan)								
% jumlah pinjaman bersih	8.1	6.4	6.3	8.1	7.5	7.0	6.8	6.7
Jumlah (RM juta)	31,675	23,849	24,700	32,775	31,703	30,200	29,579	29,758
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (6-bulan,%)	2.0	1.9	1.9	1.9	1.8	1.8	1.8	1.8

** Mulai Jun 1999, jadual ini mengambil kira institusi perbankan Islam*



....Nisbah NPL bersih menurun kepada 6.7%



.... RWCR meningkat kepada 13.2%

Bank Negara Malaysia
27 Ogos 2003

Perangkaan Utama Kewangan dan Perbankan

	Jun 2003		Julai 2003	
	Baki (RM bilion)	Pertumbuhan tahunan (%)	Baki (RM bilion)	Pertumbuhan tahunan (%)
Agregat Monetari				
Wang rizab	42.7	4.4	43.8	7.9
M1	90.6	10.0	91.1	10.6
M2	401.5	8.6	402.7	8.6
M3	522.4	8.2	526.6	8.7
Sistem Perbankan				
Jumlah deposit	526.1	7.6	528.8	8.3
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta)	502.0	3.9	505.2	4.5
Jumlah pinjaman (tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta)	440.4	4.7	443.9	5.3
Nisbah pinjaman-deposit (%)	83.7		83.9	
Nisbah pinjaman-deposit termasuk hutang sekuriti swasta (%)	93.8		94.2	
Pinjaman yang diluluskan pada bulan berkenaan	13.9	24.5	14.4	25.0
Pengeluaran pinjaman pada bulan berkenaan	37.7	8.5	40.6	19.6
Pinjaman yang dibayar pada bulan berkenaan	31.5	-3.9	38.0	4.9
Keadaan Sistem Perbankan				
Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) (%)	13.1		13.2	
NPL bersih: Klasifikasi 6-bulan (%)	6.8		6.7	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)				
Rizab dalam RM (bilion)	140.9		145.2	
Rizab dalam Dolar AS (bilion)	37.1		38.2	
Bilangan bulan import tertangguh	5.8		5.9	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]				
Antara bank: 1-bulan	2.98[2.99]		2.99[2.99]	
3-bulan	2.88[2.90]		2.88[2.87]	
Deposit tetap bank perdagangan: 1-bulan	3.00[3.00]		3.00[3.00]	
3-bulan	3.00[3.00]		3.00[3.00]	
BLR bank perdagangan	6.00[6.00]		6.00[6.00]	
Harga				
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)	104.2	0.8	104.4	1.0
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) 1989=100)	135.0	2.8		
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding mata wang terpilih (akhir tempoh)				
Euro	4.3463		4.3083	
Paun Sterling	6.2835		6.1414	
Dolar Singapura	2.1631		2.1594	
100 Yen Jepun	3.1708		3.1634	
100 Baht Thai	9.0541		9.0487	
100 Peso Filipina	7.0995		6.9387	
100 Rupiah Indonesia	0.0459		0.0447	
100 Won Korea	0.3178		0.3219	
Pasaran Modal				
Dana bersih yang diperoleh:				
sektor awam (RM bilion)	4.5		2.3	
sektor swasta (RM bilion)	3.8		1.1	
Nilai pasaran BSKL (RM b) (akhir tempoh)	691.96		720.56	
Nilai pasaran BSKL (RM b) (akhir tempoh)	532.45		562.74	